

MAHATHIR

1979

PETALING JAYA, 2 OKT. (BERNAMA) -- MALAYSIA AKAN TERUS MENGALU-ALUKAN PERBADANAN ANTARABANGSA KE NEGARA INI TETAPI MENGIKUT SYARAT-SYARATNYA SENDIRI, DEMIKIAN TEGAS DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

BERUCAP MERASMIKAN SEMINAR MENGENAI PERBADANAN ANTARABANGSA DAN PEMBANGUNAN NEGARA DI INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN) DI SINI, BELIAU BERKATA PERBADANAN-PERBADANAN ANTARABANGSA +BUKAN-NYA MALAIKAT.+

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENYATAKAN BADAN-BADAN ANTARABANGSA ITU TIDAK AKAN BERKEMBANG ATAUPUN BERJAYA SEKIRANYA MEREKA TIDAK PINTAR DALAM URUSNIAGA MASING-MASING.

MALAYSIA, KATANYA, MEMANG SEDAR TENTANG PERKARA INI DAN JUGA KEUPAYAAN MEREKA MEMUTARBELIT BAGI MEMUDAHKAN MEREKA MEMINDAHKAN MODAL DAN PUSAT-PUSAT KEUNTUNGAN.

BAGAIMANAPUN, MALAYSIA JUGA SEDAR AKAN KELEMAHAN MEREKA, TAMBAH BELIAU.

+INILAH SEBABNYA KITA AKAN TERUS MENGALU-ALUKAN MEREKA MENGIKUT SYARAT-SYARAT KITA SENDIRI.+ -- PERSAMBUNG 1220/YF

MAHATHIR 2 PETALING JAYA

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA MENYEDARI TENTANG BAHAYA YANG TIMBUL DARI KEGIATAN PERBADANAN-PERBADANAN ANTARABANGSA.

KATANYA SEMASA BADAN-BADAN SEUMPAMA ITU KECIL BILANGANNYA, TIDAK BANYAK PILIHAN YANG BOLEH DIBUAT.

BAGAIMANAPUN SEKARANG SETIAP NEGARA MEMBANGUN MEMPUYAI PERBADANAN ANTARABANGSA YANG BOLEH DIPILIHNYA SENDIRI, TERMASUKLAH MALAYSIA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA DALAM KEADAAN INI TIDAK SEBUAH PUN PERBADANAN BOLEH MEMONOPOLI PELABURAN SESEBUAH NEGARA.

BELIAU MEMBERI AMARAN BAHAWA MALAYSIA BOLEH MENDEDAHKAN SERTA MENGUSIR KELUAR MANA-MANA SYARIKAT YANG CUBA MEMUTARBELIT ATAU MEMPENGARUHI PELABURAN NEGARA INI. -- BERSAMBUNG 1224/YF

MAHATHIR 3 PETALING JAYA

BAGAIMANAPUN, BELIAU BERKATA, ITU TIDAK PERLU DAN BERHARAP IA TIDAK AKAN TIMBUL.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, TIDAK MUNGKIN BAGI SYARIKAT-SYARIKAT ANTARABANGSA BERPAKAT MENENTANG SESEBUAH NEGARA SEPERTI MALAYSIA KERANA KEPENTINGAN MEREKA ITU BERCANGGAH ANTARA SATU DENGAN LAINNYA.

KATANYA, NEGARA-NEGARA MEMBANGUN SEPERTI MALAYSIA MENGETAHUI BENAR-BENAR AKAN TUJUAN SYARIKAT-SYARIKAT TERSEBUT DAN TIDAK SEKALI-KALI BIMBANG TERHADAP MEREKA.

BELIAU MENAMBAH, + KEUNTUNGAN ADALAH MENJADI UMPAN KITA. BAGAIMANA LAGI BOLEH KITA MENARIK MEREKA KE SINI, KALAU TIDAK KEUNTUNGAN YANG MELEBIHI DARIPADA YANG BOLEH MEREKA PEROLEHI DI NEGARA MEREKA SENDIRI.+

BAGAIMANAPUN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN BAHAWA INI TIDAK SAMA SEKALI BERERTI MALAYSIA MAHUKAN MEREKA CUMA UNTUK MENGAUT KEUNTUNGAN SEMATA-MATA.

KATANYA, MEREKA BOLEH MENGAMBIL KEUNTUNGAN ITU, SELAGI MEREKA MEMENUHI TUJUAN HASRAT NEGARA INI. -- BERSAMBUNG 1247/YF

105

#### MAHATHIR 4 PETALING JAYA

BELIAU JUGA MENYEBUT TENTANG FAEDAH-FAEDAH YANG DIBAWA OLEH SYARIKAT-SYARIKAT ANTARABANGSA KE NEGARA-NEGARA MEMBANGUN.

INI TERMASUK MEMBAWA MASUK MODAL, MEWUJUDKAN PELUANG-PELUANG PEKERJAAN, MEMINDAHKAN TEKNOLOGI DAN KEMAHIRAN DAN MENAMBAH PENDAPATAN PERTUKARAN ASING.

BAGAIMANAPUN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KESEMUANYA INI ADALAH +INDAH KHABAR DARI RUPA+.

KATANYA, DALAM USAHA MENDAPATKAN KEUNTUNGAN SEBANYAK-BANYAKNYA, GAJI YANG DIBAYAR MUNGKIN TERLALU RENDAH DAN BERBAGAI CARA LAGI DIBUAT.

ANTARANYA TERMASUK PENGAMBILAN TERLALU RAMAI PEGAWAI ASING YANG MERAMPAS PELUANG KERJA BAGI RAKYAT TEMPATAN DAN MENGIMPORT BAHAN-BAHAN DAN PERALATAN YANG BOLEH DIDAPATI DI DALAM NEGERI.

BELIAU JUGA MENYEBUT TENTANG SYARIKAT-SYARIKAT YANG BESAR CUBA MEMPENGARUHI POLITIK TEMPATAN DI PERINGKAT KEBANGSAAN.

KATANYA, +PENGALAMAN DI TEMPAT LAIN MENUNJUKKAN BAHAWA SYARIKAT-SYARIKAT ANTARABANGSA YANG BESAR BUKAN SAJA BOLEH MEMPENGARUHI BAHKAN MENGUASAI SESEBUAH KERAJAAN.+

BELIAU MENAMBAH, +TERDAPAT JUGA BAHAYA EKONOMI SESEBUAH NEGARA ITU TERLALU BERGANTUNG KEPADA PERUSAHAAN-PERUSAHAAN MILIK ASING.+  
— BERSAMBUNG 1320/YF

B527

#### MAHATHIR 5 PETALING JAYA

MENGENAI SIKAP KERAJAAN MALAYSIA TERHADAP SYARIKAT-SYARIKAT ANTARABANGSA ITU, TIMBALAN PERDANA MENTERI ITU BERKATA, +KAMI ADALAH BERSIKAP PRAGMATIS DAN PERTERUS TERANG, TIDAK DOGMATIK.+

KATANYA KEBIMBANGAN TERHADAP SYARIKAT-SYARIKAT ANTARABANGSA ITU MUNGKIN ADA BENARNYA, TETAPI MALAYSIA BELUM LAGI MERASA DI-KONGKONGI OLEH MEREKA. — BERNAMA 1323/YF